



**JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA
SURVEI EKONOMI TAHUNAN 2022 (AES 2022)**

**Survei Ekonomi Tahunan 2022 (AES 2022)
Penting Bagi Perancangan Pembangunan Ekonomi Negara**

PUTRAJAYA, 15 APRIL 2022 - Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada hari ini mula melaksanakan AES 2022 sehingga 30 September 2022. Survei ini melibatkan sebanyak 110,000 pertubuhan perniagaan seluruh Malaysia.

AES 2022 ini dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan temu ramah bersemuka dan penghantaran borang soal selidik melalui pos & e-mel. Selari dengan keupayaan perniagaan mengadaptasi pendigitalan dan teknologi, DOSM memperkenalkan ‘e-AES’ iaitu satu kaedah pengisian borang soal selidik secara *self-response* di mana responden boleh mengisi maklumat secara dalam talian. Kaedah ini dapat mengurangkan interaksi bersemuka antara pegawai DOSM dengan responden yang seterusnya dapat membendung penularan COVID-19.

Tujuan utama pelaksanaan AES 2022 adalah untuk mengumpul maklumat tentang pertumbuhan, sumbangan, komposisi & taburan output, nilai ditambah, guna tenaga dan pembolehubah lain bagi lima sektor ekonomi utama. Sektor-sektor berkenaan ialah Pertanian, Pembuatan, Perlombongan & Pengkuarian, Pembinaan dan Perkhidmatan. Maklumat-maklumat utama lain yang dikumpul ialah kesan pandemik COVID-19 terhadap pertumbuhan perniagaan, ekonomi digital termasuk e-dagang, kemudahan pembiayaan, inovasi dan penyelidikan & pembangunan, perlindungan alam sekitar dan persediaan industri ke arah teknologi dan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR). Data yang dikumpul ini akan dianalisis bagi membolehkan kerajaan membuat perancangan dan pengubalan dasar berdasarkan fakta.

Dapatan survei ini juga boleh dijadikan input oleh kerajaan untuk menilai pencapaian Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), terutamanya berkaitan Tema 1 yang memberi tumpuan untuk mengembalikan semula momentum pertumbuhan sektor ekonomi utama dan melonjakkan pertumbuhan industri strategik dan berimpak tinggi. Selain itu, ia juga akan digunakan untuk menstrukturkan semula ekonomi Malaysia sesuai dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) terutama bagi industri yang terkesan dengan pandemik COVID-19.

DOSM menggesa agar semua responden yang terpilih dapat memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pegawai DOSM dalam menjayakan survei ini. Di samping itu semua pihak perlulah berjaga-jaga untuk mengekang penularan pandemik COVID-19 dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah disarankan oleh Kerajaan. Selain itu responden juga digalakkan untuk memanfaatkan penggunaan e-AES secara maksima dan menjadikan e-AES sebagai medium utama pengisian borang soal selidik.

Maklumat yang dikumpul oleh DOSM adalah tertakluk kepada peruntukan di bawah Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989) di mana maklumat yang diterima adalah SULIT dan tidak boleh dihebahkan kepada sesiapa atau mana-mana institusi di luar Jabatan ini.

Pembekalan maklumat yang lengkap dan tepat merupakan elemen utama dalam memastikan semua perancangan yang dirangka berada pada landasan yang betul. Jabatan ini amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada pegawai DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

Dikeluarkan oleh:

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

15 APRIL 2022



**PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**MEDIA STATEMENT
ANNUAL ECONOMIC SURVEY 2022 (AES 2022)**

***Annual Economic Survey 2022 (AES 2022)
is Vital for National Economic Development Plan***

PUTRAJAYA, 15th APRIL 2022 - The Department of Statistics Malaysia (DOSM) today begins to conduct its AES 2022 until 30th September 2022. This survey involved 110,000 business establishments throughout Malaysia.

AES 2022 will apply face-to-face interview approach and submission of questionnaires by post & e-mail. In line with the ability of businesses to adapt the digitalisation and technology, DOSM introduces 'e-AES' which is a self-response form method where respondents can fill in information through online. This method can reduce face-to-face interaction between DOSM officers and respondents which in turn can curb the transmission of COVID-19.

The main purpose of the implementation of AES 2022 is to gather information on growth, contribution, composition & distribution of output, value added, employment and other variables for the five main economic sectors. The sectors are Agriculture, Manufacturing, Mining & Quarrying, Construction and Services. The other main information collected were the impact of the COVID-19 pandemic on business establishments, digital economic includes e-commerce, access to financing, innovation and research & development, environmental protection and industrial readiness towards technology and the Fourth Industrial Revolution (4IR). The data collected will be analysed to enable the government to make fact-based planning and policy formulation.

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, 15th April 2022

The findings of this survey can also be used as an input by the Government to assess the achievements of the Twelfth Malaysia Plan (RMK12), in particular Theme 1 which focuses on restoring the growth momentum of key economic sectors, and propelling strategic and high impact industries. In addition, it will also be used to restructure the Malaysian economy in accordance with the Vision for Shared Prosperity 2030 (WKB2030) especially for industries affected by the COVID-19 pandemic.

DOSM urges all selected respondents to provide full cooperation to DOSM officers in ensuring the success of this survey. Furthermore, all parties must be vigilant to curb the spread of the COVID-19 pandemic by complying with the Standard Operating Procedures (SOP) that have been recommended by the Government. The respondents are also encouraged to make maximum use of e-AES and make e-AES as the main medium for filling out questionnaires.

The information collected by DOSM is subject to the provisions under the Statistics Act 1965 (Revised 1989) where the Information received is CONFIDENTIAL and may not be disclosed to anyone or any institution outside this Department.

The provision of complete and accurate information is a key element in ensuring that all plans are drawn up on the right track. The Department greatly appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with DOSM officers and making the survey a success. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

Released by:

DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

15 APRIL 2022